

MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA

KES NO: 11(12)/4-1162/16

ROZILAH BINTI ABDUL RASHID

DAN

TENAGA NASIONAL BERHAD

NO. AWARD: 3254 TAHUN 2018

Di hadapan : YA Dato' Mohd Dusuki bin Mokhtar
Pengerusi

Tempat : Mahkamah Perusahaan Malaysia, Kuala Lumpur

Tarikh Rujukan : 15.08.2016.

Tarikh Sebutan : 17.10.2016, 24.11.2016, 09.01.2017, 13.02.2017,
28.03.2017, 11.04.2017, 15.06.2017, 04.06.2018,
26.06.2018, 28.08.2018, 13.09.2018, 26.09.2018,
28.09.2018.

Tarikh Bicara : 10.07.2018 dan 11.07.2018.

**Perwakilan
Pihak Yang Menuntut** : Puan Majdah binti Muhamad bersama Encik Shamsuddin
dari Tetuan Nasri, Majdah & Nurliza.

**Perwakilan
Pihak-Pihak Syarikat** : Cik Nur Elissa binti Baharudin bersama Cik Syazwani
binti Suhaimy dari Tetuan Zul Rafique & Partners.

Rujukan:

[1] Ini adalah satu rujukan oleh YB Menteri Sumber Manusia di bawah seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) pada 15 Ogos 2018 yang timbul dari pemecatan kerja **Rozilah binti Abdul Rashid** (Pihak Yang Menuntut) pada 30 September 2014 oleh **Tenaga Nasional Berhad** (Pihak Syarikat).

[2] Perbicaraan kes ini bermula pada 10 hingga 11 Julai 2018 di bilik bicara, Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kota Bharu, Kelantan.

[3] Peguamcara Pihak Yang Menuntut (PYM), Tetuan Nasri, Majdah dan Nurliza telah memfailkan Hujahan Bertulis dan Ikatan Otoriti pada 13 September 2018 dan Hujahan Balas pada 1 Oktober 2018. Peguamcara Pihak Syarikat, Tetuan Zul Rafique & Partners telah memfailkan Hujahan Bertulis dan Ikatan Otoriti pada 13 September 2018 dan Hujahan Balas pada 28 September 2018.

Fakta Ringkas:

[4] PYM telah memulakan pekerjaan dengan Pihak Syarikat sebagai Jurutaip Tingkatan Biasa di cawangan Pasir Mas pada 2 April 1994. Pihak Yang Menuntut kemudiannya dinaikkan pangkat pada 1 Jun 1995 sebagai Kerani/Jurutaip (JG10), melalui surat bertarikh 14 Ogos 1995 dengan kenaikan gaji minima antara RM725.00 hingga RM1,700.00 serta dibayar elaun elektrik sebanyak RM43.00 sebulan.

[5] Sebelum PYM dibuang kerja oleh Pihak Syarikat, beliau telah menerima Memorandum Surat Tunjuk Sebab (Salahlaku Berat) yang dikeluarkan oleh Pihak Syarikat bertarikh 24 Julai 2014. Dalam Memorandum yang tersebut, PYM telah diminta untuk menunjukkan sebab berdasarkan laporan yang telah diterima yang menyatakan bahawa beliau telah didapati mengambil wang sewaktu menjalankan tugas sebagai Juruwang berjumlah RM14,000.00 dari mesin Kutipan Wang No. 1 dan 2 di Pusat Khidmat Pelanggan, Pejabat Pengurus Kawasan (Tanan Merah), Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 23 Julai 2014.

[6] Sehubungan dengan itu, PYM telah mengemukakan jawapan melalui satu surat bertarikh 3 Ogos 2014 sebagai balasan kepada Memorandum Surat Tunjuk Sebab (Salahlaku Berat) bertarikh pada 24 Julai 2014 tersebut di mana dinyatakan bahawa wang tersebut diambil sebagai pinjaman dan keperluan mendesak bagi menyelamatkan harta yang bakal dilelong. Pihak Syarikat kemudiannya telah menukarkan PYM ke Unit Pentadbiran di Pejabat Pengurus Kawasan Tanah Merah, Kelantan berkuatkuasa mulai 3 Ogos 2014.

[7] PYM kemudiannya telah diserahkan dengan Surat Pertuduhan melalui satu Memorandum Surat Pertuduhan bertarikh 23 Oktober 2015 di mana beliau telah dikenakan dua (2) pertuduhan salah laku iaitu:

- i) Pada 23.07.2014, semasa menjalankan tugas sebagai seorang Juruwang di Pusat Khidmat Pelanggan Pejabat Pengurus Kawasan (Tanah Merah), Bahagian Pembahagian TNB, telah mengambil wang berjumlah RM12,000.00 (Dua Belas Ribu Sahaja) dari Mesin Kutipan Wang No. 1 tanpa kebenaran Syarikat; dan*
- ii) Pada 23.07.2014, semasa menjalankan tugas sebagai seorang Juruwang di Pusat Khidmat Pelanggan Pejabat Pengurus Kawasan (Tanah Merah), Bahagian Pembahagian TNB, telah mengambil wang berjumlah RM2,000.00 (Dua Ribu Sahaja) dari Mesin Kutipan Wang No. 2 tanpa kebenaran Syarikat.*

[8] Sehubungan dengan itu, PYM dikehendaki untuk hadir dalam satu sesi Siasatan Dalaman dan setelah sesi Siasatan Dalam selesai dijalankan, Pihak

Syarikat telah mengenakan hukuman buang kerja terhadap PYM yang berkuatkuasa mulai 13 Ogos 2015 melalui satu Memorandum bertarikh 13 Ogos 2015 juga.

[9] PYM telah bertanggungjawab sepenuhnya dengan perkara yang berlaku dan telah mengembalikan semula wang yang diambil tersebut iaitu sejumlah RM14,000.00 kepada Pihak Syarikat pada 11 Ogos 2014 iaitu dua (2) hari sebelum hukuman pembuangan kerja berkuat kuasa dengan disaksikan oleh kakitangan Pihak Syarikat di cawangan Tanah Merah.

[10] PYM telah membuat tuntutan kerana tindakan Pihak Syarikat yang mengenakan hukuman pembuangan kerja adalah kurang wajar kerana sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Pihak Syarikat selama hampir 21 tahun, beliau telah berkhidmat dengan cemerlang.

[11] Mahkamah dalam kes ini memperturunkan keterangan yang dikemukakan oleh Pihak Syarikat dan PYM berkaitan dengan pertuduhan-pertuduhan salah laku yang dikenakan ke atas beliau serta hujahan-hujahan.

Kes Pihak Syarikat Dan Hujahan:

[12] Pihak Syarikat memanggil 3 orang saksi dalam kes ini dan butiran saksi adalah seperti berikut:

Bil.	Nama saksi	Jawatan
1.	Amran bin Draman @ Abdul Rahman (COW1)	Ketua Zon (Timur), Project Delivery Distribution Automation

2.	Ida @ Siti Aishah binti Ismail (COW2)	Eksekutif, Khidmat Pelanggan, TNB Tanah Merah
3.	Wahizan bin Abdul Rahman (COW3)	Pengurus Besar Kanan, Perancangan Sumber Manusia dan Pembangunan, Jabatan Perancangan Sumber Manusia dan Perancangan, Bahagian Sumber Manusia Kumpulan

[13] COW1 menjawat jawatan Pengurus Kawasan TNB Kuantan pada tahun 2014-2015. Pernyataan saksi COW1 adalah sepertimana COWS1 dan beliau bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib bagi Kumpulan Bukan Eksekutif, TNB yang menjatuhkan hukuman Buang Kerja terhadap PYM. Hukuman tersebut dijatuhkan setelah PYM didapati bersalah terhadap salah laku berat sebagaimana yang tercatat dalam surat pertuduhan. Terdapat dua (2) lagi Ahli Jawatankuasa berkenaan yang sama-sama berada dalam Jawatankuasa itu yang dipengerusikan oleh COW1. Terdapat empat (4) alasan yang dicapai oleh Jawatankuasa itu apabila menjatuhkan hukuman buang kerja terhadap PYM iaitu antaranya, PYM telah melanggar Nilai-nilai Bersama TNB, iaitu integriti di mana ianya adalah nilai yang amat dititikberatkan oleh pihak Pengurusan. Kesalahan yang dilakukan oleh PYM juga adalah serius iaitu mengambil wang Pihak Syarikat tanpa kebenaran untuk kegunaan peribadi.

[14] Saksi kedua Pihak Syarikat adalah Puan Ida @ Siti Aishah binti Ismail (COW2) di mana pernyataan saksi adalah sepertimana COWS2. Pada tahun 2014,

COW2 menjawat jawatan sebagai Eksekutif, Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran di Pejabat Pengurus Kawasan, Tanah Merah. Antara keterangan mustahak yang dikemukakan oleh COW2 adalah mengenai pengakuan PYM kepadanya pada 24 Julai 2014 bahawa beliau ada mengambil duit sejumlah RM14,000.00 dengan niat meminjam. PYM juga telah menyatakan bahawa beliau berjanji akan memulangkannya semula dan beliau memang tahu bahawa tindakannya itu adalah salah.

[15] Semasa pengakuan tersebut dibuat, PYM bersikap seperti biasa. PYM juga hadir bekerja seperti biasa dan kelakuannya adalah seperti biasa. Mengenai isu bahawa PYM berkemungkinan telah ditipu oleh rakan dalam laman sosial “Facebook”, COW2 menyatakan bahawa PYM tidak pernah memberitahu beliau mengenainya dan hanya diberitahu bahawa PYM telah mengambil wang tersebut untuk meminjam dan berjanji akan memulangkannya. COW2 juga ada menyatakan bahawa pada 11 Ogos 2014, PYM telah membawa ke pejabat wang sejumlah RM14,000.00 bagi tujuan bayaran balik di mana semasa itu COW2 hadir bersama dengan Pegawai Kewangan Kawasan, Eksekutif Pentadbiran dan Pengurus Kawasan. Bukti pembayaran adalah sebagaimana dokumen di muka surat 4 COB1 iaitu slip transaksi kemasukan wang ke dalam akaun Pihak Syarikat.

[16] Seterusnya, COW2 di dalam keterangannya menyatakan bahawa semasa hari pembayaran balik itu dibuat, PYM berkelakuan seperti biasa. PYM juga tidak memberitahu kepada COW2 bahawa beliau memerlukan rawatan alternatif akibat dari beliau menghidap apa-apa penyakit. PYM juga tidak memberitahu COW2 bahawa dia memerlukan khidmat kaunseling. Satu laporan Polis telah dibuat oleh

Encik Muhammad Ghazali bin Mokhtar iaitu Ketua Juruwang TNB kawasan Tanah Merah bagi mewakili Pihak Syarikat berkait dengan pengambilan wang RM14,000.00 itu oleh PYM.

[17] COW3 iaitu Encik Wahizan bin Abdul Rahman telah dipanggil untuk memberikan keterangan sebagai saksi terakhir Pihak Syarikat. Pernyataan saksi telah dikemukakan sepertimana COWS3. Pada tahun 2015, COW3 bekerja sebagai Pengurus Besar Kanan, Perancangan Sumber Manusia dan Pembangunan, Jabatan Perancangan Sumber Manusia dan Perancangan, Bahagian Sumber Manusia Kumpulan. COW3 telah mendengar rayuan PYM sebagai Ahli Jawatankuasa Rayuan Tatatertib bagi Kumpulan Bukan Eksekutif yang mempertimbangkan rayuan PYM terhadap hukuman buang kerja yang dijatuhkan oleh Pihak Syarikat terhadapnya.

[18] Jawatankuasa Rayuan itu telah menolak rayuan oleh PYM dan mengekalkan hukuman buang kerja yang telah dikenakan. Antara faktor yang diambil kira dalam memutuskan penolakan rayuan oleh PYM adalah kerana salah laku yang dilakukan adalah serius dan berat. Selain itu, hukuman itu adalah wajar dengan mengambil kira Polisi dan Prosedur Tatatertib TNB yang digunapakai pada masa itu.

[19] Hujahan Pihak Syarikat yang difailkan di Mahkamah ini bertumpu kepada fakta mengenai pengakuan oleh PYM berkait dengan pengambilan wang berjumlah RM14,000.00 tersebut. Fakta yang dirujuk adalah surat dari PYM bertarikh 3 Ogos 2014 (COB1 muka surat 3) iaitu jawapan kepada surat tunjuk sebab dari Pihak Syarikat. Keterangan oleh COW2 juga adalah dirujuk di mana beliau dimaklumkan sendiri oleh PYM mengenai pengambilan wang tersebut. Pengakuan PYM juga

terdapat semasa beliau disoal-balas oleh peguam Pihak Syarikat iaitu sebagaimana berikut:

Q : Setuju anda mengaku mengambil wang syarikat sebanyak RM14,000?

A : Setuju.

Q : Setuju anda ambil wang untuk membuat pinjaman sementara?

A : Setuju.

Q : Setuju anda berjanji untuk membuat bayaran balik RM14,000 kepada syarikat?

A : Setuju.

[20] Fakta ini telah dikuatkan sebagaimana kandungan surat jawapan PYM iaitu COB1 muka surat 3 iaitu antara lainnya: "***Pada hari berlakunya kejadian pengambilan wang RM14,000.00, tujuan saya adalah untuk membuat pinjaman sementara bagi tujuan menyelamatkan harta yang bakal dilelong.*** Atas keperluan yang amat mendesak, masa terlalu singkat yang diberikan dan akal fikiran yang pendek maka saya telah menggunakan hak syarikat yang tak sepatutnya saya lakukan. ***Saya sedar tidak sepatutnya saya menggunakan sebarang hak syarikat bagi tujuan keperluan peribadi kerana sedar akan risiko yang bakal saya hadapi.*** Atas dasar kesedaran dan kebertanggungjawaban itulah, saya telah cuba mencari dana bagi tujuan membuat bayaran balik hak syarikat yang telah saya gunakan."

[21] Fakta mengenai pengembalian atau pemulangan wang RM14,000.00 sebagai bayaran balik kepada Pihak Syarikat pada 11 Ogos 2014 juga merupakan hujah bagi menyokong perbuatan salah laku PYM. Ini telah diakui oleh PYM sendiri semasa beliau disoal-balas. Adalah dihujahkan juga oleh Pihak Syarikat bahawa

pengambilan wang tanpa kebenaran ini adalah kerana bagi tujuan peribadi walaupun PYM dikatakan tidak sedar yang beliau telah mengambil wang itu tanpa kebenaran Pihak Syarikat seperti yang tercatat dalam Pernyataan Kes (SOC) PYM bertarikh 24 November 2016. Pihak Syarikat berhujah untuk penjelasan oleh PYM itu ditolak oleh Mahkamah ini.

[22] Dalam Hujahan Balas, Pihak Syarikat menegaskan, antara lainnya bahawa alasan PYM yang menyatakan bahawa pengambilan wang itu dilakukan dalam keadaan yang tidak sedar adalah tidak boleh diterima serta tidak disokong oleh mana-mana keterangan. Selain itu, Pihak Syarikat seterusnya menghujahkan bahawa perbuatan PYM memulangkan wang dengan membayar balik wang yang diambil adalah merupakan “precedent” yang berbahaya kepada pekerja yang lain dan tindakan yang serius wajar diambil.

Kes PYM Dan Hujahan:

[23] PYM (CLW1) telah mengemukakan pernyataan saksi sebagaimana CLWS1. PYM dalam keterangannya menerangkan yang beliau telah memulakan pekerjaan dengan Pihak Syarikat pada tahun 1993 dan telah dilantik sebagai Jurutaip Tingkatan Biasa pada tahun 1994. PYM telah berkhidmat dengan Pihak Syarikat lebih kurang 22 tahun di mana jawatan terakhir beliau adalah sebagai Juruwang di Pejabat TNB Tanah Merah.

[24] PYM telah memberi keterangan mengenai kejadian pengambilan wang pada tahun 2014 di mana beliau mengakui bahawa wang tersebut telah diambil sebagai pinjaman. Disebabkan pengambilan wang Pihak Syarikat oleh PYM, beliau telah

menerima Memorandum Surat Tunjuk Sebab (Salahlaku Berat) yang dikeluarkan oleh Pihak Syarikat bertarikh 24 Julai 2014. Dalam Memorandum yang tersebut, PYM telah diminta untuk menunjukkan sebab berdasarkan laporan yang telah diterima yang menyatakan bahawa beliau telah didapati mengambil wang sewaktu menjalankan tugas sebagai Juruwang berjumlah RM14,000.00 dari mesin Kutipan Wang No. 1 dan 2 di Pusat Khidmat Pelanggan, Pejabat Pengurus Kawasan (Tanah Merah), Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 23 Julai 2014.

[25] PYM di dalam keterangannya menyatakan dalam keadaan tanpa sedar, beliau telah mengemukakan jawapan melalui satu surat bertarikh 3 Ogos 2014 sebagai jawapan kepada Memorandum Surat Tunjuk Sebab (Salahlaku Berat) bertarikh pada 24 Julai 2014 tersebut di mana dinyatakan bahawa wang tersebut diambil sebagai pinjaman. Selepas itu, Pihak Syarikat telah menukarkan PYM ke Unit Pentadbiran di Pejabat Kawasan Tanah Merah berkuatkuasa mulai 3 Ogos 2014.

[26] PYM kemudiannya telah diminta untuk menghadiri sesi siasatan dalaman oleh Pihak Syarikat pada 19 November 2014 yang kemudiannya ditangguhkan ke 19 Januari 2015 sehingga 21 Januari 2015 disebabkan Pegawai Pendakwa telah dimasukkan ke wad. Selepas itu, PYM telah diminta untuk menghadiri sesi siasatan dalaman lanjutan yang diadakan pada 28 April 2014 hingga 30 April 2015. Setelah sesi tersebut selesai, PYM telah dikenakan hukuman buang kerja mulai 13 Ogos 2015 melalui satu Memorandum yang diterima oleh PYM bertarikh 13 Ogos 2015 (CLB muka surat 88-89).

[27] PYM menyatakan bahawa tindakan Pihak Syarikat membuang beliau dari pekerjaan tanpa sebarang pampasan adalah tidak wajar kerana beliau sudah berkhidmat dengan Pihak Syarikat selama lebih 21 tahun dan beliau juga telah membuat bayaran balik kepada Pihak Syarikat sebanyak RM14,000.00. Di dalam keterangannya, PYM menerangkan apakah yang mendorong beliau mengambil wang Pihak Syarikat. PYM mendakwa bahawa beliau telah ditipu oleh rakan laman sosial “Facebook” yang telah mendesak beliau untuk memberikan wang kepada mereka bagi tujuan tersendiri dan memaksanya agar membuat bayaran melalui bank dalam beberapa transaksi.

[28] PYM mendakwa akibat berada dalam keadaan tidak sedar dan seolah-olah dipukau, beliau telah mengambil wang dari kutipan harian juruwang di Pusat Khidmat Pelanggan Pihak Syarikat di cawangan Tanah Merah melalui 2 transaksi Mesin Kutipan Wang No. 1 dan Mesin Kutipan Wang No. 2 berjumlah RM14,000.00 pada 23 Julai 2014 di mana wang tersebut kemudian dimasukkan ke dalam akaun rakan “Facebook” beliau. PYM mendakwa wang tersebut dimasukkan bagi tujuan mendapatkan barang berharga yang telah dihantar kepadanya dan berada di Kuala Lumpur.

[29] PYM kemudiannya menyatakan di dalam keterangannya bahawa pada mulanya beliau tidak menyedari yang beliau ditipu tetapi rakan sekerja beliau telah menyedari kelakuannya yang seakan-akan bingung dan seolah-olah berada dalam khayalan. Rakan sekerja PYM telah menyedarkan beliau bahawa kemungkinan dia telah ditipu oleh rakan laman sosial “Facebook” tersebut. PYM kemudiannya telah

membuat laporan Polis di IPD Polis Tanah Merah pada 7 Ogos 2014 (CLB muka surat 57-58).

[30] Apabila mengetahui PYM telah ditipu, beliau berada dalam keadaan terkejut dan tidak dapat berfikir dengan rasional sehingga menyebabkan PYM menemui kemalangan jalan raya dan mengalami kecederaan. Satu laporan Polis telah dibuat oleh PYM (CLB muka surat 59). Kereta yang dinaiki oleh PYM juga rosak (CLB muka surat 60-61). PYM seterusnya mendakwa bahawa beliau telah mendapatkan rawatan alternatif dan khidmat kaunseling bagi memulihkan keadaan beliau. PYM merasa bertanggungjawab sepenuhnya dengan membayar kembali wang kutipan harian Pusat Perkhidmatan Pelanggan Syarikat berjumlah RM14,000.00 tersebut kepada Pihak Syarikat pada 11 Ogos 2014 dengan disaksikan oleh kakitangan Pihak Syarikat cawangan Tanah Merah.

[31] Saksi kedua PYM adalah Rozlinita binti Abdul Rashid (CLW2) dan pernyataan saksi (CLWS2) telah dikemukakan. CLW2 adalah kakak kepada PYM dan menyatakan di dalam keterangannya bahawa beliau merasakan bahawa PYM telah ditipu melalui kaedah pukau oleh rakan "Facebook" beliau. CLW2 menyatakan bahawa beliau dapat melihat perubahan yang berlaku dalam diri PYM seperti PYM kelihatan kurus, kerap bersendirian dan sanggup berhabis duit simpanan beratus ribu untuk diberikan kepada orang yang tidak dikenali. Ini didakwa CLW2 bertentangan dengan perwatakan PYM yang sebenar. CLW2 dan keluarga telah berusaha untuk merawat PYM dengan membawanya untuk mendapat rawatan alternatif dan juga kaunseling.

[32] Adalah dihujahkan oleh PYM bahawa beliau tidak sedar sewaktu mengambil wang Pihak Syarikat dan oleh sebab itu, beliau telah memberitahu kepada Pihak Syarikat melalui satu surat bertarikh 3 Ogos 2014 sebagai jawapan kepada Memorandum Surat Tunjuk Sebab (Salahlaku Berat) bertarikh pada 24 Julai 2014 bahawa wang tersebut diambil untuk membuat pinjaman kerana ingin menjamin barangannya yang bakal dilelong. Namun demikian, PYM berhujah bahawa apa yang berlaku sebaliknya di mana wang tersebut telah digunakan untuk diberikan kepada rakan di laman sosial “Facebook”.

[33] PYM juga telah mendapatkan rawatan alternatif dan kaunseling bagi merawat keadaannya. Akibat dari keadaan dirinya yang tidak sedar dengan tindakannya mengambil wang Pihak Syarikat, beliau juga terlibat dalam kemalangan jalan raya. PYM juga bertanggungjawab sepenuhnya dengan membayar kembali wang yang diambilnya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh wang tersebut diambil. Adalah juga dihujahkan bahawa tindakan Pihak Syarikat mengenakan tindakan buang kerja adalah tindakan yang tidak adil serta menganiayai PYM. Dalam Hujahan Balas pula, PYM menegaskan bahawa perbuatannya mengambil wang Pihak Syarikat adalah di luar kawalan beliau kerana ianya dilakukan dalam keadaan yang tidak sedar. Perbuatan ini seolah-olah dipukau kerana PYM tidak merasa takut dan bersalah.

[34] Oleh yang demikian, Mahkamah dalam kes ini akan meneliti keterangan yang dikemukakan oleh Pihak Syarikat dan juga PYM berkaitan dengan pembuktian kedua-dua pertuduhan salah laku ke atas PYM.

[35] CP Mills dalam buku “**Industrial Disputes Law in Malaysia**”, Edisi Kedua 1984 menyatakan seperti berikut di ms. 78:

“Unless there is clear evidence to support the charge of misconduct, the employer’s decision against the workman will not be upheld by the Court. Even where there were reasonable grounds before the employer for concluding that the workman was guilty of the misconduct alleged against him, but in the proceedings before the Court the evidence does not permit any firm conclusion that the workman did commit the acts in question, the dismissal will not be sustained.”

Penilaian Keterangan Dan Dapatan:

[36] Fungsi Mahkamah Perusahaan telah dihuraikan dengan jelas dalam kes **Goon Kwee Phoy v. J & P Coats (M) Bhd [1981] 1 LNS 30; [1981] 2 MLJ 129** di ms. 136 di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

“Where representations are made and are referred to the Industrial Court for enquiry, it is the duty of that court to determine whether the termination or dismissal is with or without just cause or excuse. If the employer chooses to give a reason for the action taken by him, the duty of the Industrial Court will be to enquire whether that excuse or reason has or has not been made out. If it finds as a fact that it has not been proved, then the inevitable conclusion must be that the termination or dismissal was without just cause or excuse. The proper inquiry of the court is the reason advanced by it and that court or the High Court cannot go into another reason not relied on by the employer or find one for it.”

[37] Mahkamah akan menentukan dua (2) persoalan iaitu sama ada salah laku yang dilaporkan oleh Pihak Syarikat telah berjaya dibuktikan dan sama ada salah laku yang terbukti mengasaskan sebab atau alasan yang adil untuk pemecatan kerja PYM. Mahkamah Persekutuan dalam kes **Milan Auto Sdn Bhd v. Wong Seh Yen [1995] 4 CLJ 449 di ms. 455**, pula telah memutuskan seperti berikut:

“As pointed out by this Court recently in Hong Leong Assurance Sdn. Bhd. v. Wong Yuen Hock [1995] 2 MLJ 753, the function of the Industrial Court in dismissal cases on a reference under s. 20 is twofold firstly, to determine whether the misconduct complained of by the employer has been established, and secondly whether the proven misconduct constitutes just cause or excuse for the dismissal.”

[38] Dalam hal yang sama, Mahkamah Persekutuan memutuskan dalam kes **Wong Yuen Hock v. Syarikat Hong Leong Assurance Sdn Bhd & Another Appeal [1995] 3 CLJ 344** di ms. 352 sebagaimana yang berikut:

“On the authorities, we were of the view that the main and only function of the Industrial Court in dealing with a reference under s. 20 of the Act (unless otherwise lawfully provided by the terms of the reference) is to determine whether the misconduct or irregularities complained of by the management as the grounds of dismissal were in fact committed by the workman, and if so, whether such grounds constitute just cause or excuse for the dismissal.”

[39] Berkenaan dengan beban pembuktian dalam kes-kes yang melibatkan pemecatan pekerja oleh pihak majikan atau syarikat, Mahkamah Rayuan telah

memutuskan antara lainnya, perjalanan prosiding di Mahkamah Perusahaan adalah seperti Mahkamah timbangtara sebagaimana yang digariskan dalam kes **Telekom Malaysia Kawasan Utara v. Krishnan Kutty Sanguni Nair & Anor [2002] 3 CLJ 314** seperti berikut:

“Mahkamah Perusahaan tidak perlu dibebankan dengan segala perkaraperkara teknikal berkenaan perbezaan beban bukti atau rukun keterangan atau prosedur yang perlu dipakai dalam mahkamah undang-undang. Mahkamah Perusahaan mesti dibenarkan untuk menjalankan prosidingnya sebagai satu “mahkamah timbangtara” dengan membenarkan beberapa kelonggaran bertujuan bagi mencapai satu keputusan asalkan ia mengambil kira keteguhan merit dalam kes dalam kes dan membuat keputusan menurut ekuiti dan dengan kemurnian. Representasi oleh Menteri kepada Mahkamah Perusahaan tidak boleh diklasifikasikan sebagai “sivil” atau “jenayah” dengan beban kebuktian yang berbeza bagi setiap klasifikasi. Dengan demikian dalam pendengaran kes tuntutan ketidakadilan pemecatan di mana pekerja dipecat berdasarkan pertuduhan kesalahan jenayah seperti kes curi harta syarikat, Mahkamah Perusahaan tidak perlu memenuhi kehendak melangkaui batasan keraguan bahawa kesalahan itu telah dilakukan. Beban kebuktian yang perlu dipakai adalah standard sivil iaituimbangan kebarangkalian yang fleksibel supaya kadar kebarangkalian yang diperlukan sesuai dengan jenis dan graviti isu yang dibicarakan.”

[40] Sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya, CP Mills dalam buku **“Industrial Disputes Law in Malaysia”**, Edisi Kedua 1984 telah menyatakan seperti berikut:

“Unless there is clear evidence to support the charge of misconduct, the employer’s decision against the workman will not be upheld by the Court. Even where there were reasonable grounds before the employer for concluding that the workman was guilty of the misconduct alleged against him, but in the proceedings before the Court the evidence does not permit any firm conclusion that the workman did commit the acts in question, the dismissal will not be sustained.”

Pertuduhan-Pertuduhan Salah Laku Ke Atas PYM:

[41] Pertuduhan Salahlaku Pertama dan Kedua terhadap PYM adalah diperturunkan semula sebagaimana yang tercatat di bawah:

- i) Pada 23.07.2014, semasa menjalankan tugas sebagai seorang Juruwang di Pusat Khidmat Pelanggan Pejabat Pengurus Kawasan (Tanah Merah), Bahagian Pembahagian TNB, telah mengambil wang berjumlah RM12,000.00 (Dua Belas Ribu Sahaja) dari Mesin Kutipan Wang No. 1 tanpa kebenaran Syarikat; dan*
- ii) Pada 23.07.2014, semasa menjalankan tugas sebagai seorang Juruwang di Pusat Khidmat Pelanggan Pejabat Pengurus Kawasan (Tanah Merah), Bahagian Pembahagian TNB, telah mengambil wang berjumlah RM2,000.00 (Dua Ribu Sahaja) dari Mesin Kutipan Wang No. 2 tanpa kebenaran Syarikat.*

[42] Elemen utama terhadap pertuduhan salah laku yang pertama dan kedua adalah PYM mengambil wang sejumlah yang tercatat dalam kedua-dua pertuduhan tanpa kebenaran Pihak Syarikat. Mahkamah berpendapat bahawa berdasarkan

keseluruhan keterangan yang dikemukakan dan setelah memberi pertimbangan kepada Hujahan Bertulis dan autoriti-autoriti Pihak Yang Menuntut dan Pihak Responden, Pertuduhan Salah Laku Pertama dan Kedua terhadap PYM telah berjaya dibuktikan di atas imbangan kebarangkalian. Adalah tidak dinafikan bahawa PYM telah mengambil wang Pihak Syarikat tanpa kebenaran. Ini terbukti antaranya, melalui keterangan berikut:

- (i) Keterangan dari COW2) di mana PYM membuat pengakuan kepadanya bahawa beliau ada mengambil duit sejumlah RM14,000.00 dengan niat meminjam. PYM juga telah menyatakan bahawa beliau berjanji akan memulangkannya semula dan beliau memang tahu bahawa tindakannya itu adalah salah;
- (ii) Pengakuan PYM semasa beliau disoal-balas oleh peguam Pihak Syarikat bahawa beliau mengambil wang yang tersebut bagi tujuan meminjam;
- (iii) Kandungan surat jawapan PYM iaitu COB1 muka surat 3 iaitu yang menyatakan antara lainnya: *“Pada hari berlakunya kejadian pengambilan wang RM14,000.00, tujuan saya adalah untuk membuat pinjaman sementara bagi tujuan menyelamatkan harta yang bakal dilelong...Saya sedar tidak sepatutnya saya menggunakan sebarang hak syarikat bagi tujuan keperluan peribadi kerana sedar akan risiko yang bakal saya hadapi.”*; dan

- (iv) Pengembalian atau pemulangan wang RM14,000.00 sebagai bayaran balik kepada Pihak Syarikat pada 11 Ogos 2014 oleh PYM di mana PYM menyatakan beliau bertanggung jawab sepenuhnya.

[43] Wang yang diambil itu adalah jelas tanpa kebenaran Pihak Syarikat. Keterangan telah menunjukkan bahawa PYM tidak pernah mendapatkan kebenaran dari Pihak Syarikat apabila mengambil wang dari kedua-dua mesin Kutipan Wang No. 1 dan No. 2. Ini disokong oleh satu laporan Polis yang telah dibuat oleh Encik Muhammad Ghazali bin Mokhtar iaitu Ketua Juruwang TNB kawasan Tanah Merah bagi mewakili Pihak Syarikat berkait dengan pengambilan wang RM14,000.00 itu oleh PYM. Alasan yang digunakan oleh PYM samada untuk tujuan pinjaman dan/atau menyelamatkan harta yang bakal dilelong adalah tidak relevan dalam perbuatan yang dilakukannya itu.

[44] Di dalam kes ini, Mahkamah mengambil maklum bahawa satu Siasatan Dalaman telah dijalankan terhadap PYM. Semasa Siasatan Dalaman dijalankan, PYM telah diberi peluang untuk mengemukakan kesnya dan mencabar keterangan yang dibentangkan oleh saksi Pihak Syarikat. Mahkamah telah berpuas hati bahawa PYM telah diberi haknya untuk didengar dan Panel Siasatan Dalaman telah membuat keputusan di mana PYM didapati bersalah atas pertuduhan salah laku yang dikenakan. Walau bagaimanapun, Mahkamah ini tidak terikat dengan keputusan Siasatan Dalaman dimana kes akan didengar semula dengan pihak-pihak akan mengemukakan keterangan melalui saksi-saksi di hadapan Mahkamah ini. Rujuk kes **Hong Leong Equipment Sdn Bhd v. Liew Fook Chuan & Other Appeal [1997] 1 CLJ 665** di muka surat 716.

Alasan Tidak Sedar dan/atau Di Luar Kawalan Apabila Mengambil Wang Pihak

Syarikat:

[45] PYM telah membangkitkan alasan bahawa beliau tidak sedar sewaktu mengambil wang Pihak Syarikat dan oleh sebab itu, beliau telah memberitahu kepada Pihak Syarikat melalui satu surat bertarikh 3 Ogos 2014 sebagai jawapan kepada Memorandum Surat Tunjuk Sebab (Salahlaku Berat) bertarikh pada 24 Julai 2014 bahawa wang tersebut diambil untuk membuat pinjaman kerana ingin menjamin barangannya yang bakal dilelong. Namun demikian, PYM menyatakan bahawa apa yang berlaku sebaliknya di mana wang tersebut telah digunakan untuk diberikan kepada rakan di laman sosial "Facebook".

[46] Mahkamah mendapati bahawa hujah yang menyatakan bahawa PYM telah mengambil wang dalam keadaan yang tidak sedar dan di luar kawalan diri dengan merujuk kepada kelakuan dan tindakannya di mana beliau pasti berada dalam ketakutan dan enggan menghadirkan diri ke Syarikat kerana takut akan dikenakan tindakan adalah tidak bermerit. Keterangan COW2 menunjukkan perkara yang sebaliknya. Semasa pengakuan kepada COW2 mengenai pengambilan wang tersebut dibuat oleh PYM pada 24 Julai 2014, PYM bersikap seperti biasa. PYM juga hadir bekerja seperti biasa dan kelakuannya adalah seperti biasa. Sebelum kejadian mengambil wang itu berlaku, PYM juga bersikap seperti biasa dan perkara yang sama berlaku semasa pengembalian semula wang tersebut pada 11 Ogos 2014.

[47] PYM juga mendakwa bahawa beliau telah mendapatkan rawatan alternatif dan kaunseling bagi merawat keadaannya. Mahkamah berpandangan jikapun benar PYM mendapatkan rawatan tersebut, ianya adalah untuk melindungi perbuatannya

mengambil wang tersebut yang dikatakan dilakukan tanpa sedar. Apa yang pasti adalah fakta bahawa wang tersebut diambil tanpa kebenaran Pihak Syarikat.

Sama Ada Salah Laku Pihak Yang Menuntut Mewajarkan Tindakan Pemecatan Kerja?

[48] PYM di dalam SOC mendakwa hukuman buang kerja yang dikenakan oleh Pihak Syarikat tanpa sebarang pampasan yang dikenakan adalah suatu tindakan yang tidak sepatutnya dikenakan ke atas PYM sebagai seorang pekerja. Pihak Syarikat bagaimanapun menyatakan di dalam Pernyataan Jawapan bahawa keputusan pembuangan kerja terhadap PYM adalah tepat dan berasas prinsip ekuiti dan keadilan di mana salah laku-salah laku PYM adalah merupakan kesalahan yang berat dan menjatuhkan imej Pihak Syarikat.

[49] Undang-undang adalah jelas bahawa seorang pekerja yang didapati melakukan salah laku serius seperti kesalahan jenayah, menipu, ingkar perintah, mencuri dan pecah amanah boleh ditamatkan perkhidmatan mereka secara serta merta. Prinsip ini telah lama diamalkan seperti diputuskan dalam kes **Pearce v. Foster [1886] 17 QBD 536** Lopez CJ held:

“If a servant conducts himself in a way inconsistent with the faithful discharge of his duty in the service, it is misconduct with justifies immediate dismissal.”

[50] Perbuatan tidak jujur seorang pekerja dengan mencuri, menggelapkan harta majikan adalah sesuatu yang dipandang serius. Tindakan khianat seorang pekerja kepada majikannya telah meleburkan kepercayaan Majikan kepadanya yang

menjadi asas terperiting hubungan pekerja dan majikan. Oleh itu, Mahkamah Agung di dalam kes **Said Dharmalingam Abdullah v. Malayan Breweries (Malaya) Sdn Bhd [1997] 1 CLJ 646** telah menyatakan seperti berikut di halaman 661:

“We have already said that before the domestic body the Employee faced four charges, which included a charge of attempted theft. The other charges related to offences committed in the course of the alleged attempted theft. There can be no room for doubt that the acts of misconduct alleged against the Employee were of a grave and weighty nature.”

[51] Perbuatan mencuri (theft) adalah dianggap sebaagai suatu perbuatan salah laku yang serius sebagaimana yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes **Kamaruddin bin Abu Bakar v. Sistem Penerbangan Malaysia Bhd dan satu lagi [1998] 1 LNS 490** di mana ianya memberi justifikasi kepada keputusan pembuangan kerja.

[52] Seterusnya, walaupun PYM didapati telah mengembalikan wang yang diambil tanpa kebenaran tersebut pada 11 Ogos 2014 dan dimasukkan ke dalam akaun Pihak Syarikat, Mahkamah ini mendapati bahawa ianya tidak boleh dianggap sebagai suatu tindakan yang boleh melemahkan asas-asas kepada keputusan pembuangan oleh Pihak Syarikat. Mahkamah berpandangan jika sesuatu perbuatan sedemikian berlaku lagi dan pekerja kemudiannya mengembalikan wang yang diambil tanpa kebenaran itu, ianya akan menjadi suatu “precedent” yang tidak baik serta bukan merupakan suatu amalan buruh yang sihat.

Kesimpulan:

[53] Sebagai kesimpulan setelah menimbang semua keterangan yang ada termasuk keterangan lisan dan keterangan dokumentari juga meneliti kes-kes yang dirujuk serta mengambil kira seksyen 30(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Mahkamah ini atas pertimbangan kebarangkalian memutuskan bahawa PYM telah dibuang kerja dengan alasan yang adil dan sebab yang sah. Dengan itu Mahkamah ini menolak tuntutan PYM.

DIPERTURUNKAN DAN BERTARIKH 24 DISEMBER 2018

-t.t.-

**(DATO' MOHD DUSUKI BIN MOKHTAR)
PENERUSI
MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**